

Suhakam Malaysia kunjungi Speaker DUN Sabah

UB 11.10.2017

BIO

KOTA KINABALU: Rombongan jawatankuasa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) Malaysia yang baharu telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah Datuk Syed Abas Syed Ali bertempat di

Bangunan Dewan Undangan Negeri pada Isnin.

Kunjungan itu adalah sempena lawatan Suhakam Malaysia ke Sabah bermula pada 9 hingga 12 Oktober ini.

Rombongan Suhakam Malaysia diketuai oleh

Pengerusi baru bagi penggal 2016-2019, Tan Sri Razali Ismail, dan disertai para ahli suruhanjaya iaitu Pesuruhjaya Suhakam Malaysia Profesor Datuk Dr Aishah Bidin, Datuk Mah Weng Kwai, Datuk Godfrey Gregory Joitol, Francis Johnen

anak Adam dan Dr Nik Salida Suhaila Nik Salleh serta Pemangku Setiausaha Suhakam Malaysia Nurul Hasanah Ahmed Hassain dan Ketua Penolong Setiausaha Jasmih Selamat.

Turut hadir ialah Timbalan Speaker DUN Sabah Datuk



SYED Abas bergambar kenangan bersama Razali serta ahli suruhanjaya Suhakam Malaysia di DUN Sabah.

SYED Abas menyampaikan cenderahati kepada Razali semasa kunjungan hormat itu.

Johnny Mositun dan Datuk Johnson Tee.

Sempena lawatan Suhakam Malaysia ke Sabah, Razali telah dijemput menjadi speaker oleh Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS)

yang akan membincangkan mengenai hak asasi manusia di Malaysia dan serantau pada Selasa di UMS.

Program itu merupakan anjuran Majlis Profesor Masyarakat Kampung Mauk Ranau di dewan mini kampung berkenaan, bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

dan Warisan.

Sementara hari ini, Program Suhakam Bersama Masyarakat Kampung Mauk Ranau di dewan mini kampung berkenaan, bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

